

01/02/2002

Pendekatan baru SSB perlu RM1b setahun: PM

Kadir Dikoh; Nor Afzan Mohamad Yusof

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan memerlukan perbelanjaan tambahan lebih RM1 bilion setahun jika ia mengguna pakai pendekatan baru seperti disyorkan dalam kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) bagi kakitangan awam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan belum membuat keputusan muktamad sama ada untuk menerima atau tidak syor itu kerana beberapa perkara perlu diperhalusi.

Beliau berkata, jika perkara tertentu dalam SSB itu dikaji semula dan diterima pakai, maka ia boleh diguna pakai dalam tahun ini juga, tetapi Perdana Menteri enggan memberitahu apakah perkara yang beliau belum puas hati dalam kajian semula itu.

Dr Mahathir diminta mengulas pertemuannya dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung laporan kajian semula itu di Putrajaya hari ini. Terdahulu beliau merasmikan Pasarakyat di sini, petang ini.

"Mereka (JPA) telah mengemukakan pendekatan baru supaya dapat mengambil kira teguran yang dibuat oleh pihak Cuepacs. Saya sudah dengar sehingga menyeluruh tetapi ada perkara tertentu yang saya fikir, mereka perlu halusi.

"Jadi belum lagi kita buat keputusan. Semua ini membabitkan belanja tambahan daripada kerajaan, yang tidak kecil. Belanja tambahan mungkin jumlahnya sampai RM1 bilion atau lebih, setiap tahun.

"Dalam cadangan itu, anggaran mereka dalam RM1 bilion tapi saya khuatir ia lebih daripada itu," katanya.

JPA sudah menjalankan kajian semula SSB yang mula dilaksanakan pada 1992, dan laporan mengenai menekankan beberapa pendekatan baru.

Antara perkara yang tidak memuaskan hati kebanyakan kakitangan awam ialah kuota yang menghadkan pergerakan gaji melintang kepada dua peratus kakitangan, menegak (tiga peratus), mendatar (90 peratus) dan statik (5 peratus).

Cuepacs sebelum ini antara lain mencadangkan penghapusan kaedah pergerakan gaji dan Jadual Gaji Matriks. Ini bermakna empat kaedah pergerakan gaji, iaitu secara melintang, menegak, mendatar dan statik disyorkan diubah, manakala sistem gaji tiga baris dalam SSB sekarang diganti dengan sistem gaji sebaris.

Sistem gaji sebaris itu bagi membolehkan semua kakitangan awam berpeluang menikmati gaji permulaan daripada paras satu sehingga gaji maksimum pada paras tiga.

Sementara itu, Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam, ketika dihubungi hari ini, berkata mungkin soal kos yang tinggi menyebabkan Dr Mahathir berasa tidak puas hati.

"Difahamkan pelaksanaan SSB yang baru itu memerlukan belanja yang besar, justeru saya rasa itulah yang kurang dipersetujui kerana hasil kejayaan sistem berkenaan belum lagi diketahui," katanya.

Siva berkata walaupun belum mengetahui sepenuhnya mengenai pendekatan baru SSB itu, Cuepacs akan mengadakan perjumpaan dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri minggu depan, bagi mengetahui mengenainya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir yang ditanya mengenai rundingan harga bekalan air yang akan dijual kepada Singapura, berkata Malaysia mahukan bayaran yang berpatutan daripada republik itu.

Beliau berkata sebarang keputusan yang dibuat mengenai perkara itu harus mengambil kira kepentingan negara.

(END)